

**KAJIAN MENGENAI KOMPOSISI, KEPADATAN
DAN TABURAN SEMASA PENGHIJRAHAN
SECARA MENEGAK KE ATAS SPESIES
ZOOPLANKTON DASAR DEMERSAL**

ALFRED KOROM

**FAKULTI SAINS GUNAAN DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
TERENGGANU
1999**

1100024108

LP 3 FSGT 1 1999



1100024108

Kajian mengenai komposisi, kepadatan dan taburan semasa
penghijrahan secara menegak ke atas spesies zooplankton dasar
demersal / Alfred Korom.

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM



PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100024108		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

3

1

**KAJIAN MENGENAI KOMPOSISI, KEPADATAN DAN TABURAN SEMASA
PENGHIJRAHAN SECARA MENEGAK KE ATAS SPESIES ZOOPLANKTON
DASAR DEMERSAL**

Oleh

ALFRED KOROM

Laporan ini merupakan sebahagian daripada keperluan untuk mendapatkan
Ijazah Bachelo Sains Perikanan

Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU
1999

1100024108

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan rasa syukur dan gembira yang tidak terhingga kepada Tuhan kerana daripada perkataan-perkataannya saya memperolehi semangat dan kesabaran di dalam menempuh cabaran dan dugaan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih saya kepada penyelia projek saya Prof. Dr. Lokman Shamsudin yang telah memberi tunjuk ajar dan bantuan kepada saya di dalam membuat kajian ini sehinggalah saya selesai melaksanakan projek ini.

Tidak dilupakan kepada rakan-rakan pembantu makmal yang telah banyak membantu saya dan juga kepada rakan-rakan sekelas yang banyak bertanya dan memberikan pandangan-pandangan yang berguna terutamanya kepada rakan saya yang berasal dari Sumatera, Indonesia Sdr. Joni Hariyadi yang telah membantu saya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Cik Philonia Jane yang banyak membantu saya di dalam mencari bahan rujukan dan bantuan di dalam menyelesaikan tugas ini.

Di dalam kesempatan ini saya ingin melahirkan rasa terharu saya kepada keluarga saya terutama kepada ibubapa saya yang telah memberi pengorbanan yang tidak ternilai. Penderitaan dan kesengsaraan mereka merupakan kesenangan kepada kami. Kerana kasih sayang mereka telah membawa kepada kejayaan ini.

Akhir sekali, sebelum saya mengakhiri kata-kata saya, saya berharap agar kita yang selalu bantu membantu akan dapat terus membantu sesama kita. Sekian terima kasih.

ABSTRAK

Kajian terhadap migrasi secara vertikal zooplankton dasar demersal ini telah dilakukan di 2 tempat iaitu di Pantai Sri Tujuh , Tumpat Kelantan dan di Gong Batu, Setiu Terengganu. Matlamat projek ini adalah untuk mendapatkan komposisi, kepadatan dan taburan zooplankton diTumpat dan Setiu. Alat perangkap munculan digunakan untuk memerangkap zooplankton munculan. Zooplankton munculan akan terperangkap pada botol di hujung alat tersebut ketika ia cuba melakukan migrasi ke permukaan air. Alat ini dipasang di pada jenis substrat yang berbeza(dasar berlumpur dan dasar berpasir) selama 12 jam di setiap stesen. Keputusan pemerhatian mendapati bahawa sebanyak 37 jenis spesies telah dijumpai sepanjang kajian. Hasil analisa mendapati bahawa, pada keseluruhannya substrat yang berlumpur adalah lebih padat dan taburannya adalah lebih tinggi berbanding dengan substrat yang berpasir. Saliniti, kesan pasang surut dan keadaan cuaca didapati adalah 3 faktor utama yang mempengaruhi kepadatan, taburan dan komposisi zooplankton di dalam lagun.

ABSTRACT

The study on the vertical migration of benthic zooplankton was carried at Pantai Sri Tujuh, Tumpat Kelantan and Gong Batu, Setiu Terengganu. The composition, abundance and distribution of the emergent zooplankton were recorded. Emergence traps were used to trap the emergent zooplankton while migrating upwards to the water surface. The traps were located at different lagoon floor bottom (muddy, sandy) for 12h at each station. About 37 species were identified during the study period. The result showed that the muddy lagoon floor bottom had higher abundance and distribution of species than that of the sandy bottom. The variation in environmental condition (salinity, tidal tide, weather) caused changes in the zooplankton composition, abundance and distribution in the lagoon.